

SEJARAH UNDANG-UNDANG KETERANGAN ISLAM DI MALAYSIA

Dr. Zulkifli Hasan
Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Undang-undang keterangan Islam yang diamalkan di Malaysia telah mengalami proses evolusi, pengaruh negara luar, penyesuaian dengan adat istiadat dan budaya setempat serta integrasi dengan undang-undang sivil. Fakta sejarah membuktikan bahawa undang-undang yang dilaksanakan semasa pemerintahan Melaka dan negeri-negeri Tanah Melayu lain di bawah jajahannya mendapat pengaruh kuat Kanun Uthmaniah di Turki. Manakala undang-undang keterangan Islam yang dilaksanakan semasa pemerintahan British telah dikesilkan skopnya merangkumi undang-undang keluarga dan pewarisan harta. Selepas kemerdekaan, undang-undang keterangan Islam telah mula mendapat perhatian seiring dengan perkembangan institusi Mahkamah Syariah. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah telah diluluskan dan dilaksanakan di semua negeri-negeri. Kini, pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia termasuk Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah berada dalam fasa pengukuhan dan penambahbaikan. Majlis Hal Ehwal Kebangsaan Agama Islam yang diurusetikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah memulakan inisiatif ke arah penyeragaman undang-undang pentadbiran Islam. Artikel ini akan membicarakan secara khusus sejarah dan perkembangan undang-undang keterangan Islam di Malaysia.

Isi Kandungan

1.0	PENDAHULUAN	2
2.0	SEJARAH UNDANG-UNDANG KETERANGAN ISLAM	2
2.1	SEJARAH UNDANG-UNDANG KETERANGAN ISLAM SEBELUM KEMERDEKAAN	3
2.1.1	Undang-undang Melaka	4
2.1.2	Undang-undang Negeri Lain di Tanah Melayu	5
2.2	UNDANG-UNDANG KETERANGAN ISLAM SEMASA PEMERINTAHAN BRITISH	6
2.3	UNDANG-UNDANG KETERANGAN ISLAM SELEPAS KEMERDEKAAN	8
2.3.1	Undang-undang Keterangan Islam di Mahkamah Sivil	8
2.3.2	Undang-undang Keterangan Islam di Mahkamah Syariah	11
2.3.3	Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri-negeri	12
3.0	KESIMPULAN	14

SEJARAH UNDANG-UNDANG KETERANGAN ISLAM DI MALAYSIA

Dr. Zulkifli Hasan
Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Sains Islam Malaysia

1.0 Pendahuluan

Undang-undang keterangan merupakan sebahagian daripada undang-undang substantif yang sangat penting dalam proses keadilan di Mahkamah. Berbeza dengan undang-undang keterangan sivil yang terkandung di dalam Akta Keterangan 1950 yang bersumberkan 'Common Law', undang-undang keterangan Islam yang bersumberkan *al Quran* dan *al Sunnah* mempunyai beberapa perbezaan dan kelainan dari segi konsep dan prinsip. Selaras dengan keperluan masyarakat dan negara, peruntukan undang-undang mengenai pembuktian dan keterangan Islam di Malaysia telah diperuntukkan di bawah enakmen keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri. Setiap negeri mempunyai enakmen keterangan Mahkamah Syariah masing-masing.

Seiring dengan perkembangan undang-undang pentadbiran Islam ini, artikel ini akan membincangkan secara ringkas sejarah dan latarbelakang serta perkembangan undang-undang keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia bermula zaman pemerintahan empayar Melaka pada abad kelimabelas sehingga hari ini. Bagi maksud tersebut, artikel ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu Bahagian I: Pendahuluan, Bahagian II: Sejarah Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia dan Bahagian III: Penutup. Bahagian II membicarakan secara khusus perkembangan undang-undang keterangan Islam dan dibahagikan kepada tiga seksyen iaitu Seksyen 2.1: Undang-undang Keterangan Islam Sebelum Kemerdekaan iaitu zaman pemerintahan Melaka dan negeri-negeri Melayu, Seksyen 2.2: Undang-undang Keterangan Islam Semasa Zaman British dan Seksyen 2.3: Undang-undang Keterangan Islam Selepas Kemerdekaan. Seksyen 2.3 akan membincangkan perkembangan undang-undang keterangan Islam di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.

2.0 Sejarah Undang-undang Keterangan Islam

Undang-undang Islam yang dilaksanakan di tanah Melayu suatu masa dahulu mendapat pengaruh Kanun Uthmani di Turki. Ini dapat dibuktikan dengan penggunaan istilah Kanun yang diletakkan pada undang-undang yang dilaksanakan. Istilah Kanun ini adalah asing di tanah Melayu dan ianya hanya mula digunapakai di empayar Uthmaniah pada pemerintahan Dhulgadhi rid Beg Alauddarullah Beg (1479-1515M) yang dikenali sebagai Kanunname

Alauddarullah Beg¹. Kanun ini merangkumi peruntukan mengenai undang-undang fiskal, undang-undang jenayah dan hubungan pemerintah dengan individu. Kanun Uthmani kemudiannya diperkenalkan di wilayah-wilayah Uthmaniah dan dilaksanakan secara meluas. Fakta ini membuktikan bahawa undang-undang yang pernah dilaksanakan pada zaman pemerintahan Melaka dan negeri-negeri Melayu lain pada satu ketika dulu telah mendapat pengaruh Turki.

Pengaruh undang-undang Islam di Turki juga dapat dilihat pada beberapa undang-undang di negeri-negeri. Umpamanya *Mejellah al Ahkam al Adliyyah* telah dijadikan asas undang-undang yang terkandung dalam *Majellah al Ahkam Johor* pada 1331H². Bukan itu sahaja, fakta sejarah secara jelas membuktikan bahawa Tanah Melayu termasuk Aceh telahpun mempunyai hubungan diplomatik dengan kerajaan Uthmaniah seawal abad keenam belas dan ketujuh belas³.

2.1 Sejarah Undang-undang Keterangan Islam Sebelum Kemerdekaan

Pada awal abad ke limabelas pengaruh agama Islam mulai menguasai Tanah Melayu melalui aktiviti pedagang arab yang datang untuk berniaga dan menyebarkan Islam. Melaka pada masa itu menjadi pusat perdagangan terkemuka dan menjadi pusat kegiatan ekonomi antarabangsa. Oleh kerana faktor Melaka yang strategik itulah maka Islam dapat disebarkan dengan berkesan hinggakan dapat mengIslamkan seluruh tanah Melayu dalam masa yang amat singkat.

Merujuk kepada undang-undang keterangan sewaktu pemerintahan Melaka, mahu tidak mahu kita perlu merujuk kepada perkembangan undang-undang Melaka dan Kanun-Kanun negeri yang lain. Jika ditinjau undang-undang Melaka, dapat dilihat bahawa undang-undang perkahwinan Islam, undang-undang jenayah, jualan dan keterangan telah dilaksanakan di dalam kanun-kanun negeri dan Melaka. Bukan itu sahaja, agama Islam telah menjadi agama rasmi Melaka pada ketika itu. Terdapat hakim-hakim yang terkenal semasa era Melaka seperti Kadi Yusof, Kadi Monawar, Kadi Sadar Johan dan Sharif Muhammad Kebungsuan⁴. Kewujudan undang-undang ini jelas membuktikan bahawa undang-undang Islam khususnya Undang-undang keterangan Islam telah dilaksanakan lebih ratusan tahun yang lalu.

¹ Ahmad Akgundu, "Introduction to Islamic Law", Jus Press Rotterdam, 2010, hlm. 239.

² Abdul Monir Yaacob, *Sejarah Perundangan Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, hlm. 5.

³ Sharifah Munirah al Attas, "The Nature of Ottoman-Acheh Relations in the 16th and 17th Centuries: Commercial, Religions and Military Connections", al Shajarah, vol 12, 2007, hlm. 65-66.

⁴ Hamid Jusoh, *Kedudukan Undang-undang Islam Dalam Perlembagaan Malaysia, Suatu Rujukan Khas Terhadap Kes-kes Konversi Dalam Undang-undang Keluarga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 4-8.

2.1.1 Undang-undang Melaka

Risalah hukum Kanun Melaka dan risalah hukum Kanun Laut Melaka telah diperkenalkan sejak abad kelima belas oleh Sultan Mahmud Shah pada 1444M⁵. Undang-undang ini kemudiannya telah digunapakai dan dilaksanakan di negeri-negeri lain seperti Johor, Pahang, Selangor dan Perak. Undang-undang ini menggabungkan elemen adat dan prinsip Syariah bersesuaian dengan amalan masyarakat pada waktu itu.

Kanun Melaka mengandungi 44 Bab yang terdiri daripada Undang-undang Melaka Tulen, Undang-undang Laut, Perkahwinan Orang Islam, undang-undang Jualan dan keterangan, undang-undang negeri dan undang-undang Johor⁶. Terdapat lebih daripada 25 peratus peruntukan tempatan berhubung dengan undang-undang perkahwinan, undang keterangan dan undang-undang jenayah. Bab 25.1 menyentuh tentang penjaga dan bersabit soal keizinan, Bab 25.2 mengenai Bab Ijab dan Qabul, Bab 29 berhubung dengan timbangan dan ukuran, Bab 30 mengenai undang-undang penjualan dan larangan riba, Bab 31 berkaitan rukun-rukun penjualan tanah, Bab 32.1 berkenaan dengan kebangkrapan, Bab 33 merujuk kepada rukun-rukun perkongsian dan Bab 34 berkaitan rukun-rukun pemegang amanah.

Walaupun pada dasarnya undang-undang ini tidak secara langsung menyebut undang-undang keterangan tetapi secara tidak langsung dapat difahami bahawa perlu adanya satu undang-undang untuk membuktikan setiap kes yang didengari di hadapan hakim atau kadhi. Ini terbukti dengan adanya bahagian akhir undang-undang Melaka yang menyentuh rukun-rukun berkaitan dengan undang-undang keterangan. Bab 35 menyentuh mengenai pemberitahuan. Bab 37 rukun-rukun mengenai testimoni saksi dan kesahihannya. Bab 38 rukun-rukun mengenai prosedur dan melakukan angkat *al-yamin*. Undang-undang jenayah disebut di dalam lima bab yang berikutnya iaitu pada Bab 36 rukun-rukun murtad, Bab 39 rukun pembunuhan, bab 40 rukun-rukun zina, bab 41 rukun *qazaf* dan bab 42 rukun-rukun minum arak.

Secara umumnya boleh dirumuskan bahawa terdapat 12 fasal di dalam Kanun Melaka yang menyentuh soal keterangan iaitu penekanan kepada konsep *syahadah* atau kesaksian, *iqrar*, konsep sumpah atau *al Yamin*, konsep beban bukti dan keutamaan saksi dan kaedah khusus sabitan kes hudud⁷. Pemakaian undang-undang keterangan ini dapat dilihat pada Bab 5.3 berkenaan dengan

⁵ Muhd Yusuf Hashim, *Undang-undang Melaka atau Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka: Wacana Mengenai Perundangan Melayu Islam dalam Warisan Persuratan Johor*, Yayasan Warisan Johor, 1999.

⁶ Liaw Yock Fang, *Undang-undang Melaka*, The Hague-Martinius Nijhoff, 1976, hlm. 31-38.

⁷ Liaw Yock Fang, *Undang-undang Melaka*, The Hague-Martinius Nijhoff, 1976, hlm. 31-38.

pembunuhan pezina. Sekiranya pezina melarikan diri ke dalam halaman orang dan pemilik bersemuka dengannya dan dalam pertengkaran pezina terbunuh maka tidak ada dakwaan. Ini membuktikan bahawa pemilik rumah boleh membuktikan bahawa beliau tidak bersalah membunuh pezina di halaman rumahnya dengan membawa bukti bahawa yang dibunuh adalah pezina.

2.1.2 Undang-undang Negeri Lain di Tanah Melayu

Kanun Melaka telah mempengaruhi penggubalan undang-undang di beberapa buah negeri yang berada di bawah jajahan pemerintahannya. Pengaruhnya yang luas dapat dilihat dalam Kanun Pahang, Kanun Kedah, Kanun Kedah, Perlembagaan Terengganu dan Perlembagaan Johor.

Undang-undang Pahang telah digubal semasa pemerintahan Sultan Abd Ghaffar Mahayuddin Syah (1592-1614) berpandukan Risalah Hukum Kanun Melaka⁸. Beliau telah melakukan perubahan pada peruntukan undang-undang ini dengan memperkemas peruntukan sedia ada dan menambah elemen-elemen Shari'ah serta mengurangkan unsur adat yang terdapat dalam Kanun Melaka yang menjadi asas kepada undang-undang Pahang ketika itu.

Kanun Pahang ini dibahagikan kepada empat bahagian. Iaitu Bab 24-44 mengenai muamalat seperti urusan niaga dan jaminan, Bab 46-59 mengenai undang-undang jenayah dan denda. Bab 58-61 mengenai Obligasi Asasi Keagamaan. Bab kedua iaitu Bab 40 hingga 65 menyentuh mengenai testimoni dan Pensaksian. Bab 40 jenis-jenis testimoni dan sifat-sifatnya, Bab 63 mengenai rukun-rukun pensaksian dalam Islam dan ciri-cirinya. Bab 64 rukun-rukun mengenai kedudukan hamba dan tuannya atau bekas tuannya dan Bab 65 mengenai hukum taazir terhadap saksi yang bohong dan rukun-rukun prosedur kehakiman berkaitan penuntut dan defendan. Undang-undang Pahang ini memperuntukkan undang-undang keterangan Islam. Sebagai contoh peruntukan berkenaan dengan sumpah sekiranya tiada saksi dalam kes muamalat dan syarat saksi atau Syahahah dalam kes zina, mencuri, minum arak dan membunuh orang yang murtad⁹.

Di Kedah peruntukan Undang-undang Datuk Seri Paduka Tuan menyebut bahawa pencuri, perompak, penyabung ayam, pengedar candu, penjudi, pemuja pokok dan batu, pemabuk, segala perbuatan tersebut adalah

⁸ Abu Hasan Mohd Sham, Peraturan dan Hukum Kanun Pahang dari Zaman Melaka Hingga ke Zaman Pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Shah dalam, *Pahang Meniti Zaman*, Kuantan: Persatuan Sejarah Pahang, 2001, hlm. 25-38.

⁹ Abdul Halim El Muhammady, *Kanun Pahang Zaman Pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Shah, Satu Analisis dan Teks*, Bangi, Selangor, 2012, hlm. 24-25.

bertentangan dengan perintah Allah dan mesti dilaporkan kepada penghulu¹⁰. Kegagalan boleh dikenakan denda. Undang-undang di Kelantan sekitar abad kesembilan belas memperuntukkan bahawa mufti mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes perkahwinan, perceraian manakala hakim membicarakan kes jenayah yang berlandaskan kepada undang-undang Islam dan adat¹¹.

Di Terengganu, pengaruh undang-undang Islam banyak mempengaruhi pemerintahannya. Perlembagaan Terengganu telah diisytiharkan sebagai *Iqtanul Muluk fi al-ta'dil al-suluk* iaitu memperuntukkan bahawa agama Islam adalah agama rasmi Terengganu. Pemerintah Terengganu amat memberatkan pelaksanaan undang-undang syariah sehinggakan Sultan juga perlu patuh kepada undang-undang dan ketaatan kepadanya boleh ditarik balik sekiranya berlaku kemungkiran kontrak. Di Johor, undang-undang yang dilaksanakan juga adalah berdasarkan Risalah Hukum Kanun Melaka. Undang-undang Johor juga banyak mendapat pengaruh undang-undang Islam yang disusun di Turki dan Mesir¹². Misalnya *Mejallah al Ahkam al Adliyyah* telah dijadikan sebagai *Mejallah al Ahkam Johor* dan Hanafite Code of Qadri Pasha telah disesuaikan sebagai *Al Ahkam Syariah Johor*.

Secara umumnya, negeri-negeri di Malaysia telah lama mempraktikkan undang-undang Islam. Ianya telah menjadi sebatian dalam hidup masyarakat Melayu terutamanya mengenai pelaksanaan undang-undang Islam. Di samping kanun negeri-negeri ini telah menerima pengaruh undang-undang Islam yang disusun di Turki dan Mesir, undang-undang yang dilaksanakan juga mengandungi elemen undang-undang adat. Sememangnya tidak banyak rujukan mengenai pemakaian undang-undang keterangan Islam sewaktu pemerintahan awal negeri-negeri Melayu. Namun demikian pelaksanaan undang-undang Islam dan kewujudan Mahkamah Syariah dan profesion kadhi menunjukkan bahawa undang-undang keterangan Islam telah lama digunapakai di Malaysia lebih ratusan tahun yang lalu.

2.2 Undang-undang keterangan Islam semasa pemerintahan British

Kedatangan Portugis, Belanda dan pemerintahan Jepun tidak banyak mempengaruhi undang-undang di Malaysia. Pemerintahan British telah mempengaruhi sebahagian besar aplikasi undang-undang Islam. Undang-

¹⁰ Winstedt, *Undang-undang Kedah*, JM BRAS (1928) 6 (2), hlm. 8.

¹¹ Mohd Nik Mohd Salleh, "Kelantan in Transaction: 1891-1910" dalam W.R. Roff, "Kelantan: Religion, Society, Politic in a Malay State". Kuala Lumpur, 1974, hlm. 23.

¹² Hamid Jusoh, *Kedudukan Undang-undang Islam Dalam Perlembagaan Malaysia, Suatu Rujukan Khas Terhadap Kes-kes Konversi Dalam Undang-undang Keluarga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 15.

undang Inggeris telah mula masuk melalui Piagam Keadilan 1807 dan diikuti dengan beberapa undang-undang Inggeris yang diamalkan. Piagam Keadilan Kedua 1826 dan Ketiga 1885 kemudiannya menjadikan undang-undang Inggeris diselaraskan dan dilaksanakan di Negeri-negeri Selat¹³.

British telah memisahkan bidangkuasa di dalam pentadbiran kerajaan di antara aspek kenegaraan dan keagamaan. Pada 1902 dan 1905, Kanun Aturcara Jenayah dan Keseksaan Inggeris telah diperkenalkan dan dikuatkuasakan di tanah Melayu¹⁴. Akibatnya undang-undang Islam hingga kini hanya merujuk kepada aspek perkahwinan, perceraian, harta pusaka dan pewarisan, amalan agama manakala aspek yang lain seperti undang-undang komersial, kontrak, diletakkan di bawah undang-undang sivil. Sebagai contoh di negeri Selangor, Undang-undang Mencegah Berzina Tahun 1894 (Prevention of Adultery Regulation 1894) adalah antara undang-undang Islam pertama yang dikanunkan di negeri Selangor dan Undang-undang Pendaftaran Nikah Kahwin dan Cerai Orang-Orang Islam 1900 iaitu undang-undang berhubung dengan nikah kahwin dan cerai orang-orang Islam di negeri Selangor.

Pada awalnya British telah memperkenalkan undang-undang keterangan Inggeris melalui Ordinan Keterangan Negeri-negeri Selat 1893¹⁵. Akhirnya British telah memperkenalkan undang-undang keterangan yang lebih lengkap iaitu Akta Keterangan 1950 bermodelkan Akta Keterangan India 1872 yang telah digubal oleh Sir James Stephen¹⁶. Akta Keterangan ini merupakan usaha British untuk mengkodifikasikan prinsip-prinsip undang-undang 'Common Law' di dalam satu akta dan menjadi rujukan di Mahkamah. Dengan pengenalan Akta Keterangan 1950 ini, undang-undang keterangan Islam tidak lagi menjadi rujukan utama Mahkamah walaupun ianya melibatkan orang Islam di mana prinsip undang-undang keterangan bersumberkan 'common law' digunakan berdasarkan Akta Keterangan 1950 yang diluluskan.

Sehubungan dengan itu juga, undang-undang keterangan Islam di Malaysia semakin tidak diaplikasikan. Terdapat kes-kes di mana undang-undang keterangan Islam diketepikan dan prinsip-prinsip undang-undang Inggeris digunakan. Undang-undang keterangan Islam semakin dilupakan dan tidak diamalkan dalam erti kata yang sebenarnya. Ianya diletakkan di dalam kes-kes tertentu meliputi hal ehwal kekeluargaan dan pentadbiran harta Islam. Walaupun undang-undang Islam merangkumi hal ehwal demikian, undang-

¹³ Wu Min Aun, "*The Malaysian Legal System*", Petaling Jaya: Pearson Education, 2000, hlm. 14.

¹⁴ Abdul Monir Yaacob, "*An Introduction to Malaysia Law*", Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989, hlm. 95-96.

¹⁵ Andrew Phang Boon Leong, "*Of Codes and Ideology: Some Notes on the Origins of the Major Criminal Enactments of Singapore*" (1989) 31 Mal. L.R. 46.

¹⁶ Rafiah Salim, "*Evidence in Malaysia and Singapore Cases, Materials and commentary*", Kuala Lumpur: Butterworths, 1994, hlm 5.

undang Inggeris kerap kali mengganggu dan mencampuri urusan orang Islam dan memutuskan sesuatu kes mengikut undang-undang 'Common Law'.

2.3 Undang-undang Keterangan Islam Selepas Kemerdekaan

Malaysia telah mendapat kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957. Artikel 3 (1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Walaupun peruntukan ini secara tidak langsung seperti mengiktiraf undang-undang Islam sebagai undang-undang yang meliputi semua aspek kehidupan, namun demikian pada hakikatnya peruntukan mengenai undang-undang Islam di Malaysia hanya berkaitan mengenai keluarga, warisan dan terhadap kepada orang-orang Islam. Begitu juga dengan undang-undang keterangan Islam, pemakaian undang-undang keterangan Islam ini hanya berlaku dalam kes tertentu malahan ianya tidak mendapat perhatian yang sewajarnya.

Seiring dengan perkembangan kemerdekaan dan keperluan masyarakat terhadap undang-undang khusus berkaitan dengan pentadbiran Islam, beberapa enakmen pentadbiran undang-undang Islam telah digubal dan dilaksanakan. Sebagai contoh enakmen pentadbiran agama Islam di negeri-negeri telah diluluskan dan ini termasuk Enakmen Undang-undang Islam (Negeri Melaka) 1959, Enakmen Pentadbiran Undang Islam (Pulau Pinang) 1959, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Negeri Sembilan) 1960, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Negeri Kedah) 1962, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Negeri Perak) 1965, Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (Negeri Kelantan) 1966, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Negeri Perlis) 1964, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Negeri Sabah) 1978, Ordinan Majlis Agama Islam (Negeri Sarawak) 1978 dan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Negeri Johor) 1978.

Kesemua enakmen ini menyediakan peruntukan undang-undang mengenai pentadbiran Islam di negeri-negeri yang merangkumi aspek pemerbadanan dan penubuhan majlis agama, Mahkamah Syariah, pendakwaan dan perwakilan, kewangan, masjid, pemelukan agama Islam dan pendidikan agama. Peruntukan ringkas mengenai undang-undang keterangan Islam juga telah dimasukkan di dalam undang-undang pentadbiran Islam negeri-negeri ini seperti hal ehwal kesaksian menurut hukum Syarak.

2.3.1 Undang-undang Keterangan Islam di Mahkamah Sivil

Mahkamah sivil mempunyai budi bicara sama ada untuk merujuk atau menggunakan prinsip undang-undang keterangan Islam. Jika kita merujuk

kepada kes-kes yang diputuskan di Mahkamah Sivil ada terdapat beberapa kes lama yang merujuk kepada undang-undang keterangan Islam. Namun begitu ianya tidak menjadi rujukan wajib Mahkamah Sivil dalam menentukan keputusan sesuatu kes. Mahkamah sivil akan merujuk Akta Keterangan 1950 manakala Mahkamah Syariah melaksanakan undang-undang keterangan Islam yang diperuntukkan di bawah enakmen keterangan Mahkamah Syariah negeri masing-masing.

Di dalam kes *Ainan bin Mahmud lwn Syed Abubakar* [1939] MLJ 209 Mahkamah Tinggi Sivil telah memutuskan bahawa seorang anak yang dilahir empat bulan selepas perkahwinan ibunya dengan seorang bernama Mahmud adalah anak sah taraf. Keputusan itu mengikut seksyen 112 Enakmen Keterangan tetapi amat jelas keputusan itu berlawanan dengan undang-undang Islam. Hakim di dalam kes itu berpendapat bahawa di dalam soal kesahtarafan anak mengenai orang-orang Islam, seksyen 112 Enakmen Keterangan terpakai dan menyingkirkan Undang-undang Islam. Sebaliknya jika perkara itu di bawa ke Mahkamah Syariah undang-undang Islamlah yang digunapakai.

Kes di atas menunjukkan bahawa undang-undang mengiktiraf pelaksanaan undang-undang keterangan Islam tetapi mahkamah berhak untuk mengambil atau menolaknya. Mahkamah di dalam kes ini mengenyepikan keterangan yang diterima pakai hokum syarak dan mengaplikasikan Enakmen Keterangan yang berlandaskan undang-undang Inggeris. Hingga kini undang-undang keterangan yang digunapakai terdapat berlawanan dengan undang-undang Islam.

Pada tahun 1988 Perkara 121 perlembagaan Persekutuan telah dipinda dengan menyebut di fasal (1A) maksudnya Mahkamah Tinggi Sivil tidaklah boleh mempunyai bidangkuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah¹⁷. Pada masa dahulu sebelum pindaan itu dibuat terdapat banyak kes di mana Mahkamah Sivil telah membuat keputusan mengenai perkara yang termasuk dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah dan adakalanya telah mengubah keputusan yang telah dibuat di Mahkamah Syariah.

Kesan daripada itu juga, kini penyusunan semula hal ehwal pentadbiran agama Islam di negeri-negeri telah diasingkan di antara kuasa majlis Agama Islam, Mufti dan mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah diadakan di tiga peringkat Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Rayuan boleh dibuat dari Mahkamah Rendah Syariah kepada

¹⁷ Ahmad Ibrahim, *the Amendment of Article 121 of the Federal Constitutions: Its Effect on Administration of Islamic Law*, [1989] 2 MLJ xvii, hlm. xvii-xix.

Mahkamah Tinggi Syariah dan dari Mahkamah Tinggi Syariah ke Mahkamah Rayuan Syariah¹⁸.

Bidangkuasa Mahkamah Syariah hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam. Oleh kerana itu Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidangkuasa apabila mana-mana pihak yang terlibat bukan orang Islam. Pada masa sekarang bidangkuasa jenayah Mahkamah Syariah ialah sangat terbatas. Mengikut Perlembagaan, Mahkamah Syariah adalah mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan setakat yang diberi oleh undang-undang Persekutuan. Menurut Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, Mahkamah Syariah hanya diberi bidang kuasa mengenai kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara tidak lebih enam bulan atau denda tidak lebih RM1000 atau kedua-duanya. Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 telah dipinda pada 1984 dan Mahkamah Syariah selepas itu diberi bidangkuasa mengenai kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara tidak lebih tiga tahun atau dengan tidak lebih RM5000 atau sebat tidak lebih enam sebat atau gabungan hukuman itu. Jika dilihat, bidangkuasa ini masih rendah dari bidangkuasa Majistret Kelas Pertama yang biasanya boleh membicarakan kes yang boleh dihukum dengan penjara sepuluh tahun dan boleh menjatuhkan hukuman lima tahun penjara atau denda RM10,000 atau sebat dua belas pukulan atau gabungannya.

Selepas pindaan kepada Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan itu ternampak perubahan sikap Mahkamah Sivil seperti yang diputuskan dalam kes *Dalip Kaur lwn Pegawai Polis, Bukit Mertajam* [1982] 1 MLJ 1; [1982] 8 JH 306. Dalam kes ini, perayu beragama sikh telah memohon deklarasi bahawa anak lelakinya pada masa ia meninggal dunia pada 3 Oktober 1991 bukan seorang Islam dan atau ia telah keluar daripada ugama Islam dan untuk deklarasi lanjutan bahawa ia berhak mendapat mayat si mati itu. Si mati, seorang Sikh telah memeluk ugama Islam pada 1 Jun 1991 di hadapan Kadi Daerah Kulim dan kemasukannya telah didaftar mengikut seksyen 139 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Kedah) 1962. Perayu telah berhujah bahawa selepas simati memeluk ugama Islam ia telah melalui Deed Poll pada 9 September 1991 meingisytiharkan keluar agama Islam dan telah kembali mengamalkan agama Sikh termasuk memakan babi dan tidak berkhatan. Namun demikian ada juga keterangan yang diberi bahawa si mati telah bertunang dengan seorang perempuan Islam dan perkahwinan mereka telah ditetapkan pada 15 November 1991.

Di dalam perbicaraan, hakim Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa tandatangan di Deed Poll itu bukan tandatangan si mati dan beliau juga menolak keterangan padri Sikh dan abang si mati mengenai penerimaan semula si mati ke

¹⁸ Ahmad Ibrahim and Ahilemah Joned, "The Malaysian Legal System", Kuala Lumpur: Dewan Bahasan dan Pustaka, 1995, hlm. 49-51.

agama Sikh dan kehadirannya di sembahyang di kuil Sikh. Beliau memutuskan bahawa si mati adalah seorang Islam semasa ia meninggal dunia. Apabila rayuan dibuat di Mahkamah Agung, hakim telah menghantar kes itu balik ke Mahkamah Tinggi supaya Hakim Mahkamah Tinggi merujuk beberapa soalan mengenai Hukum Syarak yang timbul kepada Jawatankuasa Fatwa Kedah. Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa si mati adalah seorang Islam kerana ia telah disabit ke Islamannya dengan ia mengucapkan dua kalimah syahadah di hadapan Kadi seperti yang tercatat di dalam surat ikrar orang yang masuk Islam dan berkekalan Islamnya kerana tidak ada hukuman dari mana-mana Mahkamah Syariah Negeri Kedah yang mensabitkan ia terkeluar daripada Islam. Di dalam kes ini undang-undang keterangan Islam telah digunapakai dan rujukan kepada pihak berautoriti Islam dibuat untuk memastikan keputusan yang dibuat adalah bertepatan dengan hukum syarak.

Berdasarkan kepada kes-kes di atas, dapat disimpulkan bahawa Mahkamah Sivil mempunyai budi bicara sama ada untuk menggunapakai prinsip undang-undang keterangan Islam di dalam kes yang dibicarakan. Secara ringkasnya, kini di Malaysia terdapat dua undang-undang keterangan iaitu Akta Keterangan 1950 dan enakmen atau akta keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri. Akta Keterangan 1950 digunapakai di Mahkamah Sivil.

2.3.2 Undang-undang Keterangan Islam di Mahkamah Syariah

Undang-undang keterangan Islam yang digubal dan digunapakai di Mahkamah Syariah di Malaysia adalah dibentuk berdasarkan kepada Akta keterangan 1950. Walaubagaimanapun terdapat perbezaan dan kelainan pada beberapa prinsip dan konsep apabila kandungan Akta Keterangan 1950 ini disesuaikan dengan undang-undang keterangan Islam. Ini diakui oleh Professor Ahmad Ibrahim di mana beliau menyatakan bahawa di antara kaedah menggubal enakmen keterangan Mahkamah Syariah yang ada di Malaysia ialah dengan mengintegrasikan undang-undang Inggeris dan Syariah¹⁹. Peruntukan yang bersesuaian dikekalkan atau disesuaikan dan mana-mana prinsip undang-undang keterangan Islam yang tidak terdapat di dalam Akta Keterangan akan ditambah termasuk klausa khusus rujukan kepada hukum Syarak.

Penggubalan enakmen keterangan Mahkamah Syariah ini menggunakan empat kaedah utama iaitu Kaedah Pemansuhan, Mengekalkan Peruntukan yang Tidak Bercanggah, Pemakaian Pelbagai Pendapat dan Mazhab²⁰ dan

¹⁹ Ahmad Ibrahim, *Perkembangan Terkini Undang-undang Islam di Malaysia*, dalam Monir Yaacob (ed.), *Undang-undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah*, Kuala Lumpur: IKIM, 1995, hlm. 4.

²⁰ Ruzman Md. Noor, *Kedudukan Bayyinah, Syahadah Dan Qarinah Dalam Penggubalan Undang-undang Keterangan Islam Di Malaysia*, *Jurnal Syariah*, Jil. 16, Bil. 2 (2008) 345-366.

Kaedah Penambahan. Kaedah Pemansuhan merujuk kepada pemansuhan segala peruntukan di dalam Akta Keterangan 1950 yang bercanggah dengan hukum Syarak. Umpamanya, peruntukan di dalam seksyen 112 yang memperuntukkan kesahatarafan anak telah dibuang kerana ianya bertentangan dengan prinsip Syarak²¹.

Kaedah kedua mengekalkan setiap peruntukan yang tidak bercanggah dengan hukum Syarak dan ini dibuat selaras dengan kaedah fiqh setiap sesuatu pada asalnya adalah harus. Kaedah ketiga menjadikan enakmen keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia mengandungi peruntukan undang-undang keterangan Islam yang bersumberkan pelbagai mazhab. Ini adalah amat bertepatan dengan perkembangan undang-undang yang memerlukan penyesuaian untuk menjamin keadilan.

Kaedah keempat melibatkan penambahan peruntukan berkenaan dengan prinsip undang-undang keterangan Islam yang tidak terdapat di dalam Akta Keterangan 1950. Sebagai contoh seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 melibatkan penambahan tafsiran beberapa istilah yang bersumberkan Hukum Syarak, seksyen 72 berkaitan sumpah, seksyen 83 hingga 88 berkaitan bayyinah dan syahadah dan lain-lain tambahan kecil termasuklah yang terdapat di bahagian huraian dan misalan.

2.3.3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri-negeri

Walaupun sudah terdapat peruntukan undang-undang keterangan Islam secara tidak khusus dalam undang-undang pentabdiran Islam negeri-negeri, ianya masih tidak mencukupi untuk dijadikan rujukan yang jelas kepada Mahkamah Syariah. Oleh itu, negeri-negeri telah menggubal dan meluluskan enakmen undang-undang keterangan Islam. Manfaat juga untuk dinyatakan Akta Keterangan 1950 adalah tidak terpakai sama sekali di Mahkamah Syariah setelah adanya enakmen keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri. Berikut ialah enakmen, akta atau ordinan keterangan Islam yang terdapat seluruh negeri di Malaysia dan digunapakai di Mahkamah Syariah.

- i. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kedah) 1989/2007;
- ii. Enakmen Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Terengganu) 2001;
- iii. Ordinan Keterangan Syariah (Negeri Sarawak) 2001;
- iv. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002;

²¹ Ahmad Ibrahim, “*Conflict Between Shariah Law and Common Law: Problem and Solution*”, dalam Seminar on Shariah and Common Law in Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 1992, hlm. 14

- v. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002;
- vi. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003;
- vii. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Perlis) 2003/2006;
- viii. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003;
- ix. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003;
- x. Enakmen Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Perak) 2004;
- xi. Enakmen Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sabah) 2004;
- xii. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Pulau Pinang) 2004;
- xiii. Enakmen Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pahang) 2005; dan
- xiv. Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997/2005.

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kedah) 1989 merupakan undang-undang keterangan Islam pertama digubal dan dilaksanakan di Malaysia. Negeri-negeri lain kemudiannya mengikut langkah Kedah dan telah meluluskan enakmen undang-undang keterangan Mahkamah Syariah masing-masing. Berkenaan dengan undang-undang keterangan Mahkamah Syariah di Selangor, undang-undang keterangan yang pertama diluluskan ialah Enakmen Keterangan Syariah No.6 Tahun 1996. Enakmen ini walaubagaimanapun telah digantikan dengan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 yang telah diluluskan dan diwartakan pada 24 Julai 2004.

Di Wilayah Persekutuan, perkembangan undang-undang keterangan Islam agak berbeza dengan mana-mana negeri di Malaysia. Oleh kerana Kuala Lumpur adalah wilayah Selangor sebelum diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada tahun 1974, ianya menggunakan undang-undang keterangan syariah Selangor yang termaktub di bawah Enakmen Pentadbiran Islam Selangor. Begitu juga dengan Putrajaya yang sebelum ini merupakan kawasan di daerah Selangor dan kemudiannya telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 2001. Undang-undang keterangan yang digunapakai sebelum itu ialah Enakmen Pentadbiran Islam Selangor dan juga Enakmen Keterangan Syariah Selangor 1996. Labuan telah menjadi sebahagian daripada Wilayah Persekutuan Malaysia pada 16 April 1984,. Dengan itu undang-undang yang digunapakai sebelum itu adalah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sabah 1972. Wilayah Persekutuan kini telah mempunyai undang-undang keterangannya sendiri iaitu Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Pindaan 2005.

Oleh kerana terdapatnya ketidakseragaman enakmen berkaitan Mahkamah Syariah di antara negeri-negeri, Majlis Hal Ehwal Kebangsaan Agama Islam yang diurusetikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah melaksanakan inisiatif untuk menyeragamkan beberapa undang-undang yang telah diluluskan oleh Majlis Raja-raja pada 20 Mac 2001²². Undang-undang yang dimaksudkan ialah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Enakmen Acara Jenayah Mahkamah Syariah, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah, Enakmen Keluarga Islam dan termasuk Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah. Usaha untuk menyeragamkan undang-undang ini akan memberi manfaat kepada pelaksanaan dan amalan perundangan di Mahkamah Syariah yang lebih sistematik dan akan memudahkan prosedur mahkamah. Perkembangan yang positif ini sudah pasti boleh menjadi titik tolak kepada pelaksanaan undang-undang Islam yang lebih berkesan dan seterusnya memartabatkan institusi Mahkamah Syariah.

3.0 Kesimpulan

Artikel ini bertujuan untuk membincangkan secara ringkas sejarah undang-undang keterangan Islam di Malaysia dan perkembangannya sehingga hari ini. Walaupun undang-undang keterangan Islam ini adalah bersumberkan *al Quran* dan *al Sunnah*, perkembangan undang-undang ini tetap juga mendapat pengaruh beberapa undang-undang yang diamalkan di tempat lain bermula di zaman pemerintahan Melaka semenjak abad kelima belas. Dalam erti kata lain, undang-undang keterangan Islam yang diamalkan di Malaysia telah mengalami proses evolusi, pengaruh negara luar, penyesuaian dengan adat istiadat dan budaya setempat juga integrasi dengan undang-undang sivil.

Fakta sejarah membuktikan bahawa undang-undang yang dilaksanakan semasa pemerintahan Melaka dan negeri-negeri lain di bawah jajahannya mendapat pengaruh kuat Kanun Uthmaniah di Turki. Manakala undang-undang Islam yang dilaksanakan semasa pemerintahan British telah dikecilkan skopnya merangkumi undang-undang keluarga dan pewarisan harta. Ini bermakna undang-undang keterangan Islam yang digunapakai dan dilaksanakan pada zaman pemerintahan British juga adalah berkisarkan undang-undang keluarga dan pewarisan harta.

Selepas kemerdekaan, undang-undang keterangan Islam telah mula mendapat perhatian seiring dengan perkembangan institusi Mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah merujuk undang-undang keterangan Islam yang secara umumnya terkandung dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam

²² Sheikh Ghazali Abdul Rahman, Isu dan Permasalahan Terkini Mahkamah Syariah dalam Zulkifli Hasan, Abdul Hamid Abdul Murad dan Arif Fahmi Md Yusof, *Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie*, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2007, hlm. 6-7.

negeri-negeri. Manakala Mahkamah Sivil menggunakan Akta Keterangan 1950 sebagai rujukan. Walaupun Mahkamah Sivil merujuk Akta Keterangan 1950, terdapat juga kes-kes tertentu di mana hakim Mahkamah Sivil melalui budi bicaranya telah merujuk pemakaian konsep undang-undang keterangan Islam walaupun ianya tidak mengikat hakim untuk membuat keputusan berdasarkan undang-undang tersebut.

Oleh kerana terdapatnya kekaburan dari segi kedudukan pemakaian undang-undang keterangan Islam di Mahkamah Syariah dengan Akta Keterangan 1950, negeri-negeri di Malaysia telah memperkenalkan enakmen keterangan Mahkamah Syariah masing-masing. Enakmen keterangan Mahkamah Syariah ini telah mengecualikan pemakaian Akta Keterangan 1950 dan semua kes di Mahkamah Syariah selepas itu perlu merujuk hanya kepada undang-undang keterangan Islam. Dengan adanya undang-undang keterangan Islam khusus melalui enakmen keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri, ianya dapat membantu proses keadilan di Mahkamah Syariah dengan lebih teratur dan jelas. Bagi memantapkan lagi pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia, Majlis Hal Ehwal Kebangsaan Agama Islam yang diurusetikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah memulakan inisiatif ke arah penyeragaman undang-undang pentadbiran Islam dan ini termasuk enakmen keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri.

Perkembangan undang-undang keterangan Islam di Malaysia yang menerima pengaruh luar dan melalui proses integrasi menunjukkan kedinamikan undang-undang Islam itu sendiri. Sebagai salah satu daripada undang-undang substantif yang sangat penting kepada proses keadilan, undang-undang keterangan Islam mesti diaplikasikan dan dilaksanakan secara menyeluruh. Setelah merentasi pelbagai zaman dan cabaran, undang-undang keterangan Islam akhirnya dikodifikasikan di dalam enakmen keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri. Bermula dengan Kedah pada tahun 1989 dan diakhiri dengan Pahang pada 2005, hingga kini, semua negeri di Malaysia telah mempunyai enakmen keterangan Mahkamah Syariah masing-masing. Enakmen keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri ini merupakan salah satu manifestasi positif terhadap perkembangan dan pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia.

Rujukan

Abdul Halim El Muhammady, *Kanun Pahang Zaman Pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Shah, Satu Analisis dan Teks*, Bangi, Selangor, 2012.

Abdul Monir Yaacob, *Sejarah Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

- Abdul Monir Yaacob, *“An Introduction to Malaysia Law”*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989.
- Abu Hasan Mohd Sham, *Peraturan dan Hukum Kanun Pahang dari Zaman Melaka Hingga ke Zaman Pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Shah, Pahang Meniti Zaman*, Kuantan: Persatuan Sejarah Pahang, 2001.
- Ahmad Akgundu, *“Introduction to Islamic Law”*, Jus Press Rotterdam, 2010.
- Ahmad Ibrahim, *Perkembangan Terkini Undang-undang Islam di Malaysia*, dalam Monir Yaacob (ed.), *Undang-undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah*, Kuala Lumpur: IKIM, 1995.
- Ahmad Ibrahim and Ahilemah Joned, *“The Malaysian Legal System”*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasan dan Pustaka, 1995.
- Ahmad Ibrahim, *“Conflict Between Shariah Law and Common Law: Problem and Solution”*, dalam Seminar on Shariah and Common Law in Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 1992.
- Ahmad Ibrahim, *“The Amendment of Article 121 of the Federal Constitutions: Its Effect on Administration of Islamic Law”*, [1989] 2 MLJ xvii, hlm. xvii-xix.
- Andrew Phang Boon Leong, *“Of Codes and Ideology: Some Notes on the Origins of the Major Criminal Enactments of Singapore”* (1989) 31 Mal. L.R. 46.
- Hamid Jusoh, *Kedudukan Undang-undang Islam Dalam Perlembagaan Malaysia, Suatu Rujukan Khas Terhadap Kes-kes Konversi Dalam Undang-undang Keluarga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Liaw Yock Fang, *Undang-undang Melaka*, The Hague-Martinus Nijhoff, 1976.
- Mohd Nik Mohd Salleh, *“Kelantan in Transition: 1891-1910”* dalam W.R. Roff, *“Kelantan: Religion, Society, Politic in a Malay State”*. Kuala Lumpur, 1974.
- Muhd Yusuf Hashim, *Undang-undang Melaka atau Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka: Wacana Mengenai Perundangan Melayu Islam*, Warisan Persuratan Johor, Yayasan Warisan Johor, 1999.
- Rafiah Salim, *“Evidence in Malaysia and Singapore Cases, Materials and Commentary”*, Kuala Lumpur: Butterworths, 1994.

Ruzman Md. Noor, *Kedudukan Bayyinah, Syahadah Dan Qarinah Dalam Penggubalan Undangundang Keterangan Islam Di Malaysia*, Jurnal Syariah, Jil. 16, Bil. 2 (2008) 345-366.

Sharifah Munirah al Attas, *"The Nature of Ottoman-Acheh Relations in the 16th and 17th Centuries: Commercial, Religions and Military Connections*, al Shajarah, vol 12, 2007.

Sheikh Ghazali Abdul Rahman, Isu dan Permasalahan Terkini Mahkamah Syariah dalam Zulkifli Hasan, Abdul Hamid Abdul Murad dan Arif Fahmi Md Yusof (Ed.s), *Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie*, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2007.

Winstedt, *Undang-undang Kedah*, JM BRAS (1928) 6 (2).

Wu Min Aun, *"The Malaysian Legal System"*, Petaling Jaya: Pearson Education, 2000.